

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.05.2016

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada perletakan jawatan Christoph Mueller sebagai CEO Malaysian Airline Bhd. telah dilakukan atas permintaan pihak berkuasa ataupun secara sukarela. Berapakah jumlah pampasan yang telah dibayar kepada Christoph Mueller untuk perletakan jawatan awalnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dan Malaysia Airlines Bhd (MAB) pada 19 April 2016 telah mengumumkan bahawa Christoph Mueller akan melepaskan jawatan

sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MAB pada September 2016. Hal ini telah dibincangkan dan diambil maklum oleh Lembaga Pengarah Khazanah dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada hari yang sama.

Khazanah menghormati dan akur dengan keputusan beliau untuk meninggalkan syarikat penerbangan negara tersebut lebih awal daripada tempoh kontrak tiga tahun atas sebab peribadi dan bukannya atas permintaan mana-mana pihak walaupun khidmat Mueller masih diperlukan bagi meneruskan rancangan penstrukturan semula MAB yang telah dirancang.

Bagi memastikan kelancaran peralihan kepimpinan serta pelaksanaan Pelan Pemulihan MAB berjalan secara teratur, Mueller tetap komited untuk meneruskan tanggungjawab beliau sebagai CEO MAB sehingga September 2016 dan seterusnya kekal sebagai Pengarah Bukan Eksekutif MAB. Tiada pampasan diberikan kepada Mueller kerana kontrak pekerjaan beliau tamat lebih awal daripada tempohnya.

Ketua Pegawai Operasi MAB, Peter Bellew telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif dalam Lembaga Pengarah MAB sementara

Khazanah memulakan pencarian CEO baharu bagi menggantikan Mueller.